



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

25 Syawal 1441 / 17 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Rabu, 25 Syawal 1441H bersamaan 17 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang dan pada ketika ini, tidak ada kes aktif yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan.**
2. Sementara itu, seramai **18 orang** masih menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai **2,805 orang** telah menamatkan tempoh kurantin dan adalah dalam keadaan yang baik.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **277 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **25,600 ujian**.

4. Berikutan makluman mengenai ***BruHealth App***, Alhamdulillah setakat ini seramai **386,936 ahli** telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. **Bagi syarikat dan premis pula sejumlah 9,371** telah mendaftar kepada aplikasi BruHealth. Manakala, sebanyak **5,020 premis perniagaan** telah memuat turun aplikasi **premiseScan**. Sehubungan dengan aplikasi premiseScan ini, semua premis-premis adalah dinasihatkan untuk memuat turun aplikasi tersebut bagi memudahkan pengimbasan kod QR terutama sekali kepada orang ramai yang tidak mempunyai telefon bimbit untuk masuk ke premis berkenaan.

5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 25 Syawal 1441H / 17 Jun 2020